



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

## **SIARAN MEDIA**

### **KARNIVAL MINI MOT DAN HARI KERJAYA 2026 BAWA PERKHIDMATAN KERAJAAN TERUS KEPADA RAKYAT, PERKASA PELUANG PEKERJAAN DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI**

LIMBANG, 4 Julai 2026 – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) terus memperkukuh komitmen Kerajaan MADANI dalam mendekati rakyat menerusi penganjuran Karnival Mini MOT dan Hari Kerjaya 2026 di Waterfront Limbang, Sarawak, yang menghimpunkan pelbagai perkhidmatan kerajaan, peluang pekerjaan, program advokasi keselamatan jalan raya serta inisiatif pembangunan komuniti di bawah satu bumbung.

Program yang dirasmikan oleh YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan menjadi manifestasi pendekatan kerajaan yang mengutamakan penyampaian perkhidmatan secara inklusif, responsif dan berorientasikan rakyat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan, kemampanan dan pembangunan seimbang di seluruh negara.

Berucap ketika merasmikan program tersebut, YB Timbalan Menteri Pengangkutan berkata kerajaan sentiasa memastikan setiap dasar dan inisiatif yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat, tanpa mengira sama ada mereka berada di bandar, luar bandar mahupun kawasan sempadan.

“Kerajaan tidak mahu hanya menunggu rakyat hadir ke pejabat kerajaan. Sebaliknya, kerajaan perlu turun padang, mendekati masyarakat dan membawa pelbagai perkhidmatan terus kepada rakyat. Inilah semangat yang mendasari penganjuran Karnival Mini MOT dan Hari Kerjaya 2026.”

Beliau berkata pemilihan Limbang sebagai lokasi penganjuran bukan sahaja mencerminkan komitmen kerajaan terhadap pembangunan wilayah utara Sarawak, malah mengiktiraf potensi daerah itu sebagai pintu masuk strategik





#### KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

yang mampu merancakkan pertumbuhan sektor pengangkutan, logistik, perdagangan dan pelancongan.

Menurut beliau, pembangunan negara tidak seharusnya tertumpu di bandar-bandar utama semata-mata, sebaliknya perlu memastikan setiap wilayah dan komuniti menikmati peluang pembangunan secara adil dan saksama.

Karnival selama dua hari ini turut menghimpunkan pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan rakan strategik bagi memudahkan rakyat mengakses pelbagai perkhidmatan kerajaan dalam satu lokasi. Pendekatan "Kerajaan Dalam Satu Lokasi" ini bukan sahaja menjimatkan masa dan kos rakyat, malah meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

Antara pengisian utama program ialah:

- \* Karnival Kerjaya dan sesi temu duga terbuka yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan;
- \* Program Bantuan MyLesen B2 JPJ melibatkan 506 penerima dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat;
- \* Program Pertukaran Topi Keledar yang mengagihkan 1,500 topi keledar baharu kepada pengguna motosikal sebagai usaha memperkukuh keselamatan jalan raya;
- \* Kaunter Bergerak JPJ, pendaftaran MyJPJ dan MyDigital ID;
- \* Advokasi keselamatan jalan raya dan pameran teknologi pengangkutan;
- \* Pemeriksaan kesihatan, Jualan Rahmah, aktiviti komuniti, persembahan kebudayaan dan pelbagai program interaktif untuk seisi keluarga.

Selaras dengan agenda pembangunan modal insan negara, Hari Kerjaya yang dianjurkan melalui kerjasama bersama Kementerian Sumber Manusia, PERKESO serta pelbagai rakan industri memberi peluang kepada belia, graduan dan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

pencari kerja meneroka prospek kerjaya dalam sektor pengangkutan, logistik, rel, maritim dan penerbangan yang semakin berkembang.

Dalam masa yang sama, program ini turut memperkukuh usaha kerajaan membudayakan keselamatan jalan raya melalui pelbagai aktiviti pendidikan dan advokasi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pematuhan undang-undang serta amalan pemanduan berhemah.

Selain penyampaian perkhidmatan kerajaan, penganjuran kali ini turut menyaksikan pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI oleh agensi di bawah MOT melalui pelbagai inisiatif pembangunan komuniti termasuk penaiktarafan kemudahan awam, penyediaan kemudahan elektrik, pemasangan lampu solar serta sumbangan peralatan digital kepada institusi pendidikan di Limbang.

Penganjuran Karnival Mini MOT dan Hari Kerjaya 2026 merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk memperkukuh hubungan antara kerajaan dan rakyat melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih mudah diakses, pantas dan berimpak tinggi.

MOT percaya bahawa sistem pengangkutan bukan sekadar menghubungkan destinasi, malah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, pembangunan modal insan, kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negara. Melalui pendekatan MADANI yang mengutamakan keterangkuman, kecekapan dan kesejahteraan rakyat, kementerian akan terus memperluas inisiatif turun padang bagi memastikan tiada komuniti yang tercicir daripada menikmati manfaat pembangunan negara.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, pengurusan tertinggi





## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Kementerian Pengangkutan Malaysia, ketua-ketua jabatan serta agensi Persekutuan dan Negeri, pihak berkuasa tempatan, pemimpin masyarakat serta wakil-wakil industri. Penganjuran program ini turut mendapat sokongan padu daripada pelbagai rakan strategik termasuk Kementerian Sumber Manusia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Kesihatan Malaysia, Pejabat Kesihatan Bahagian Limbang, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Pentadbiran Bahagian Limbang, Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) serta agensi dan syarikat di bawah MOT seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB), Malaysia Rapid Transit Corporation (MRT Corp), Prasarana Malaysia Berhad, Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang memainkan peranan penting dalam menjayakan pelbagai pengisian program, inisiatif pembangunan komuniti, advokasi keselamatan jalan raya, pembangunan modal insan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Turut menjayakan program ini adalah syarikat penerbangan utama negara seperti Malaysia Aviation Group (MAG), Air Asia Capital A Berhad (Air Asia) dan Batik Air.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
4 JULAI 2026**

**-TAMAT-**

---

### MENGENAI MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

### PERTANYAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
E-mel [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

